



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	2/8/2021 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	33
JABATAN	:	PERHILITAN			

Suria, Kala 'pujuk' Siti dan Pagar pulang ke habitat asal

Sinar, 2 Ogos
2021 33



Proses pemindahan dilakukan dengan cukup teliti bagi memastikan gajah-gajah berkenaan berada dalam emosi yang baik.

KUALA KRAI - Dua ekor gajah liar yang diberi nama Siti dan Pagar yang berkeliaran di kawasan Kampung Bukit Pagar dan Kampung Sungai Tias beberapa bulan lalu berjaya ditangkap Jabatan Perlindungan Hidupan Liar Dan Taman Negara (Perhilitan) Negeri di kawasan kebun getah di Kampung Bukit Pagar Dalam di sini Khamis lalu.

Pengarah Perhilitan Kelantan, Ady Ermanty Haniff Mohamed Hanif berkata, dua gajah liar berkenaan yang dipercayai ibu dan anak dianggarkan berusia dalam lingkungan tiga hingga 18 tahun itu kemudian dipindahkan dengan bantuan denak dari Pusat

Konservasi Gajah Terengganu, Sungai Deka iaitu Suria dan Kala.

Menurutnya, operasi pemindahan gajah liar ini telah dijalankan dengan bantuan 12 kakitangan Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan (PKGK), Kuala Gandah, Lanchang, Pahang.

"Operasi yang bermula pada jam 8 pagi ini turut melibatkan 16 kakitangan Jabatan Perhilitan Kelantan dan empat kakitangan Perhilitan Terengganu.

"Suria dan Kala telah berjaya membantu 'memujuk dan menenangkan' Siti dan Pagar sepanjang operasi pemindahan dijalankan.

"Siti dan Pagar diepaskan semula ke habitat semula jadi di sempadan hutan Taman Negara Terengganu, Kelantan-Pahang," katanya dalam satu kenyataan di sini pada Ahad.

Menurutnya, operasi menangkap gajah liar itu dijalankan susulan aduan beberapa penduduk di kawasan berkenaan dan secara keseluruhan, 14 aduan diterima pihaknya di kawasan berkenaan sehingga Jun lalu.

Beltau berkata, Pagar dan Siti berada dalam keadaan sihat, namun Pagar mempunyai bekas kecederaan lama di belalai dan dilihat mampu meneruskan kelangsungan hidup di habitat liar dengan bantuan Siti.